

► Kejohanan Liga Sukan Futsal Wanita Universiti Malaysia Sabah 2013

# SPPS kekalkan kejuaraan

UB 14.6.2013 A15

**KOTA KINABALU:** Kejohanan Liga Sukan Futsal Wanita Universiti Malaysia Sabah (UMS) 2013 menyaksikan kemantapan pasukan Sekolah Pendidikan dan Pembangunan Sosial (SPPS) apabila berjaya menundukkan Sekolah Perhutanan Tropika Antarabangsa (SPTA) dengan jaringan 2-0.

Pada perlawanan sengit yang menghidangkan aksi mendebaran itu menyaksikan gol kemenangan dihasilkan oleh Ruthline Juinis dan Rozaliah Paulus melalui aksi yang hampir serupa apabila menyempurnakan hantaran dengan merembat masuk bola ke gawang lawan sekaligus mengangkat nama pasukan mereka mengekalkan kejuaraan pada kejohanan sebelum ini.

Terdahulu, SPPS berjaya menyingkirkan Sekolah Sains Makanan dan Pemakanan (SSMP) dan Sekolah Perubatan (SPU) pada saringan peringkat kumpulan B. SPPS kemudiannya mara ke pusingan separuh akhir menentang Sekolah Perniagaan Ekonomi (SPE) dan berjaya menumpaskan pasukan tersebut dengan jaringan 1-0.

Menurut ketua pasukan SPPS Denna Chen Meling, beliau berbangga



dengan pencapaian yang ditonjolkan oleh pasukannya apabila mampu menjuarai pertandingan seumpama itu pada setiap kali

penganjuran.

Tambahnya, pasukan yang dibimbing oleh pensyarah Sains Sukan, Dr. Mohamad Nizam itu layak menjuarai

kejohanan tersebut kerana kerjasama dan komitmen padu yang ditunjukkan rakan sepasukan disamping mengutamakan kecergasan.



(gambar atas) KETUA Pasukan SPPS menerima hadiah kemenangan dari TNC HEPA UMS.

(gambar kiri) PASUKAN SPPS mendapat tempat pertama.